

03 JUN 2001

AGONG HADIRI JAMUAN TEH DIRAJA

KUALA LUMPUR, 3 Jun (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Siti Aishah hari ini menghadiri jamuan teh diraja sempena ulang tahun Hari Keputeraan Rasmi Seri Paduka Ke-75 di perkarangan Istana Negara di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali serta Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri Datin Seri Endon Mahmood adalah antara kira-kira 2,000 tetamu yang hadir.

Para perwakilan asing di negara ini turut menghadiri jamuan itu.

Selepas bersantap, Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong dengan diringi oleh Dr Mahathir, Abdullah serta isteri masing-masing bersalam-salaman dengan para hadirin.

--BERNAMA

MUN AKT RI